

<b>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS MOTOR</b>	
Rujukan Kami	<b>01/04/2024</b>
Nama Penawar Khidmat Kewangan	<b>Liberty General Insurance Berhad</b>
Nama Produk	<b>Kenderaan Persendirian - Komprehensif – EZY PLUS (Peningkatan Manfaat Kenderaan Persendirian)</b>
Tarikh	
Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <b>Kenderaan Persendirian Komprehensif – EZY PLUS (Peningkatan Manfaat Kenderaan Persendirian)</b> . Pastikan anda membaca terma-terma am dan syarat-syarat yang terkandung di dalam polisi.	

### **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut **Perenggan 5 daripada Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya **untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

### **Kontrak Insurans Komersial**

Menurut **Perenggan 4(1) Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini **untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

#### **1) Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?**

Polisi ini menawarkan perlindungan insurans terhadap liabiliti ke atas pihak ketiga untuk kecederaan atau kematian, kerosakan terhadap harta pihak ketiga, dan kerosakan akibat kemalangan, kebakaran ke atas kenderaan anda atau kecurian kenderaan anda.

#### **2) Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?**

Polisi ini menawarkan perlindungan seperti di bawah:

- a. Kerugian atau kerosakan ke atas kenderaan sendiri akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan yang tidak disengajakan;
- b. Kematian dan kecederaan anggota badan pihak Ketiga;
- c. Kerosakan atau kerugian harta benda pihak Ketiga; dan,

**Manfaat – manfaat tambahan tanpa sebarang bayaran premium (Hanya untuk Kegunaan Persendirian sahaja)**

- Perbelanjaan Perubatan – Orang yang Diinsuranskan/ Pemegang Polisi disebabkan oleh kemalangan ke atas kenderaan yang dinamakan - sehingga RM 1,500.00
- Penggantian kunci Akibat kecurian – sehingga RM 500.00 ke atas kenderaan yang dinamakan.
- Penggantian Kerusi Kanak Kanak akibat kemalangan, kecurian atau banjir ke atas kenderaan yang dinamakan - sehingga RM 300.00.
- Perlindungan Kemalangan Diri – Orang yang Diinsuranskan / Pemegang polisi sahaja – sehingga RM 10,000.00 - Kehilangan nyawa/ Hilang upaya kekal dalam tempoh 180 hari selepas tarikh kemalangan yang melibatkan kenderaan yang dinamakan.

<b>JADUAL MANFAAT (Hanya untuk Kenderaan Persendirian – Kegunaan Persendirian Sahaja – Kenderaan Komprehensif – Ezy Plus - Peningkatan Manfaat Kenderaan Persendirian))</b>	<b>JUMLAH YANG DIINSURANSKAN</b>
<b>Kematian Akibat Kemalangan</b>	RM10,000.00
<b>Hilang Upaya Kekal</b>	
1. Kehilangan kedua-dua belah tangan atau kedua-dua belah kaki atau kehilangan penglihatan kedua-dua mata	RM10,000.00
2. Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	RM10,000.00
3. Kehilangan satu tangan atau satu kaki bersama dengan kehilangan penglihatan satu mata yang penuh dan tidak dapat dipulihkan	RM10,000.00
4. Lumpuh keseluruhan (dari leher ke bawah)	RM10,000.00
5. Kuadriplegia kekal (kehilangan atau kehilangan keseluruhan penggunaan empat anggota badan)	RM10,000.00
6. Kehilangan sebelah tangan atau sebelah kaki	RM5,000.00
7. Kehilangan empat jari dan ibu jari dalam satu tangan	RM5,000.00
8. Kehilangan pendengaran kedua-dua belah telinga	RM5,000.00
9. Kehilangan keupayaan untuk bertutur	RM5,000.00
10. Kehilangan penglihatan sepenuhnya satu mata	RM5,000.00
11. Kehilangan semua jari kaki dalam satu kaki	RM5,000.00

**Perbandingan perlindungan dan contoh premium di antara Insurans Kenderaan Persendirian Komprehensif Ezy Plus (Peningkatan Manfaat Kenderaan Persendirian) dan Kenderaan Persendirian Asas Komprehensif (Tarif) seperti berikut:**

<b>NO</b>	<b>MANFAAT</b>	<b>Kenderaan Persendirian Asas Komprehensif</b>	<b>Kenderaan Persendirian Komprehensif Ezy Plus(Peningkatan Manfaat Kenderaan Persendirian)</b>
1	Kerugian atau kerosakan pada kenderaan Sendiri	√	√
2	Kecederaan anggota badan dan kematian pihak ketiga	√	√
3	Kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga	√	√
4	Kemalangan peribadi – Orang yang diinsuranskan/ pemegang polisi	Tidak Dilindungi	√
5	Perbelanjaan perubatan – Orang yang diinsuranskan/ pemegang polisi	Tidak Dilindungi	√
6	Penggantian kunci – Kenderaan yang dinamakan	Tidak Dilindungi	√
7	Penggantian kerusi kanak kanak – kenderaan yang dinamakan	Tidak Dilindungi	√

Contoh:

Maklumat Kenderaan	Pengiraan Premium	
	Kenderaan Persendirian Asas Komprehensif	Kenderaan Persendirian Komprehensif Ezy Plus(Peningkatan Manfaat Kenderaan Persendirian)
Tahun Diperbuat:	2018	2018
Model Kenderaan:	Perodua Myvi	Perodua Myvi
Jumlah Diinsuranskan:	45,000	45,000
Diskaun Tanpa Tuntutan:	55%	55%
<b>Anggaran Premium Kasar (RM)</b>	<b>700.41</b>	<b>700.41</b>

Lain-lain faedah yang anda boleh dapatkan dengan membayar premium tambahan:

a) Liberty Kereta Persendirian kelompok A, B, C. – Aplikasi untuk Kegunaan Persendirian / Kegunaan Perdagangan.

FAEDAH		Liberty Kereta Persendirian Kelompok A	Liberty Kereta Persendirian Kelompok B	Liberty Kereta Persendirian Kelompok C
A.	Kemalangan Diri - Kematian akibat Kemalangan / Hilang Upaya Kekal – maxsima 5 orang sahaja sehingga had	RM20,000 setiap orang	RM20,000 setiap orang	RM30,000 setiap orang
1	Perbelanjaan Perubatan – maxsima 5 orang sahaja sehingga had	RM1,500 setiap orang	RM1,500 setiap orang	RM3,000 setiap orang
2	Cuti Umum Seluruh Negara - Ganti Rugi Berganda – maxsima 5 orang sahaja sehingga had	RM20,000 setiap orang	RM20,000 setiap orang	RM30,000 setiap orang
3	Pembaikan Gigi dan / atau Pembedahan Kosmetik – maxsima 5 orang sahaja sehingga had	RM1,200 setiap orang	RM1,200 setiap orang	RM1,200 setiap orang
4	Manfaat Yuran Ambulan – maxsima 5 orang sahaja sehingga had	RM300 setiap orang	RM300 setiap orang	RM300 setiap orang
5	Manfaat Pendapatan Hospital – maxsima 5 orang sahaja.	RM30 sehingga had 60 hari setiap orang	RM30 sehingga had 60 hari setiap orang	RM50 sehingga had 60 hari setiap orang
6	Manfaat Pengebumian – maxsima 5 orang sahaja.	RM500 setiap orang	RM500 setiap orang	RM500 setiap orang
7	Bayaran balik untuk rawatan Fisioterapi – maxsima 5 orang sahaja sehingga had	RM500 setiap orang	RM500 setiap orang	RM1,000 setiap orang
8	Manfaat penghantaran pulang – maxsima 5 orang sahaja sehingga had	RM2,000 setiap orang	RM2,000 setiap orang	RM3,000 setiap orang
B.	Tunda Kenderaan Kemalangan / Kerosakan 24 jam	Tiada Had Maxsima	Tiada Had Maxsima	Tiada Had maxsima
C.	Elaun Kesulitan Kerugian Penuh / Kecurian Kereta	RM500	RM1,000	RM1,000
D.	Penggantian Kunci Kereta / Pemancar	RM500	RM1,000	RM2,000
E.	Penggantian Kerusi Kanak-kanak	RM300	RM300	RM500
F.	Elaun Bantuan Banjir	Tidak Berkenaan	RM1,000	RM1,000
G.	Kecurian Pecah Tingkap Kenderaan	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	RM1,000
H.	Pengecualian Lebihan Bayaran (Aplikasi untuk Kegunaan Persendirian sahaja )	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	Ya
I.	Elaun Keguguran Akibat Kemalangan	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	RM1,000
J.	Jaminan Mutu Kerja Pembaikan	Tidak Berkenaan	12 bulan	18 bulan
K.	Kerosakan Cermin Sisi	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	RM1,000

- b) Kerosakan cermin.
- c) Perlindungan Liabiliti Penumpang (LLP).
- d) Kerosakan akibat banjir dan tanah runtuh (Peril Khas).
- e) Pemandu Tambahan.
- f) Pampasan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) tahun semasa.
- g) Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Ditaksirkan (CART).
- h) Aksesori kenderaan – Kit penukaran gas dan tangka.
- i) Pengecualian lebihan bayaran yang dikenakan terhadap pemandu yang Tidak Dinamakan
- j) Pengecualian Penambahbaikan (Betterment)
- k) **Perlindungan E-Hailing Tahunan** - Meliputi kerugian atau kerosakan kepada kereta anda sendiri, liabiliti kepada pihak ketiga, liabiliti undang-undang terhadap penumpang yang membayar tambang, liabiliti undang-undang kepada pihak ketiga akibat kecuaihan pelakuan penumpang, perlindungan kemalangan peribadi sehingga RM25,000 untuk pemandu E-hailing yang sah ketika aktiviti e-hailing. (Hanya untuk kegunaan persendirian).
- l) **E-Hailing Harian - GRAB** (Hanya untuk pemandu yang diberi kuasa e-hailing yang menggunakan perkhidmatan E-hailing GRAB sahaja) Meliputi kerugian atau kerosakan kepada kereta anda sendiri, Liabiliti kepada Pihak Ketiga, Liabiliti Undang-Undang terhadap Penumpang yang Membayar Tambang, Liabiliti undang undang kepada pihak ketiga akibat kecuaihan pelakuan penumpang, Perlindungan Kemalangan Peribadi sehingga RM25,000 untuk pemandu E-hailing yang sah ketika aktiviti e-hailing. (Hanya untuk Kegunaan Persendirian).

**NOTA: Ia adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura jika memasuki negara tersebut tanpa perlindungan liabiliti penumpang di dalam insurans motor anda.**

Jangkamasa perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

**Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my))**

**3) Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?**

Jumlah premium yang perlu dibayar boleh berubah bergantung kepada kelayakan NCD serta syarat-syarat pengunderaitan syarikat kami.

Jumlah diinsuranskan adalah mengikut nilai pasaran semasa kenderaan anda berdasarkan rujukan kepada sistem ISMABI (Automobile Business Intelligence).

**4. Apakah yuran atau bayaran yang perlu dibayar?**

Yuran atau bayaran yang perlu dibayar adalah:

Jenis	Jumlah
Komisen ejen atau apabila melibatkan seorang pengantara	10%
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia

**5. Apakah terma-terma serta syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?**

Sebahagian terma-terma serta syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian adalah:

- a) **Tanggungjawab untuk memberitahu** – Anda perlu memberitahu semua fakta berkenaan keadaan fizikal kenderaan seperti sejarah kemalangan serta modifikasi ke atas keupayaan enjin.
- b) **Pembayaran Premium sebelum Polisi Berkuatkuasa** – Pembayaran premium haruslah dibuat sebelum polisi ini berkuatkuasa.
- c) **Klausu Purata** diguna pakai jika kenderaan yang diinsuranskan pada jumlah kurang daripada nilai pasaran melebihi 10% pada masa kerugian Oleh yang demikian, adalah penting anda memastikan kenderaan anda diinsuranskan pada jumlah yang berpatutan untuk mengelakkan daripada terkurang atau terlebih nilai yang diinsuranskan. Jika tidak, jumlah pampasan yang lebih rendah daripada Nilai Pasaran kenderaan mungkin berlaku pada masa tuntutan. Sekiranya kenderaan diinsuranskan melebihi nilai pasaran agar setara dengan jumlah pinjaman yang belum dijelaskan, harap maklum bahawa perbezaan antara nilai pasaran sebenar dan baki pinjaman yang belum dijelaskan tidak akan dilindungi pada masa penyelesaian tuntutan, walaupun jumlah yang diinsuranskan adalah lebih tinggi.
- d) **Lebihan** iaitu jumlah kerugian yang perlu anda tanggung jika kenderaan anda dipandu oleh orang yang tidak dinamakan di dalam polisi minima RM400.00 (Lebihan kerugian wajib), atau pemandu berusia di bawah 21 tahun, dan/atau memegang lesen memandu Percubaan (P) atau Sementara (L).

- e) **“Betterment”** akan dikenakan jika alat lama diganti dengan alat francais baru semasa membaiki kerosakan kenderaan (umur kenderaan adalah lima tahun dan ke atas) akibat kemalangan. Anda akan menanggung perbezaan kos terbabit (bergantung kepada umur kenderaan anda) kerana kenderaan anda yang telah dibaiki kini berada dalam keadaan yang lebih baik berbanding sebelum ia ditimpa kemalangan.
- f) **Butiran Penama** – Sila berikan butir-butir penama untuk Perlindungan Kemalangan Diri (jika ada).

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak memberi perlindungan ke atas beberapa kerugian, seperti:

- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan anda;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat daripada keadaan semulajadi, contohnya banjir, ribut atau tanah runtuh; dan
- Segala kerugian turutan, susut nilai, haus dan lusuh, karat dan kakisan, kegagalan/kerosakan mekanikal atau elektrik atau elektronik.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dibuat, anda berhak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek untuk polisi BAHARU, walau bagaimanapun sebarang bayaran minima premium tidak boleh dikembalikan. Juga tiada bayaran balik premium jika ada sebarang tuntutan dibuat.

Tempoh Insurans	Bayaran Balik Premium
Tidak melebihi 1 minggu	87.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 1 bulan	75.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 2 bulan	62.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 3 bulan	50.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 4 bulan	37.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 6 bulan	25.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 8 bulan	12.5% daripada jumlah premium
Melebihi 8 bulan	Tiada bayaran balik premium yang dibenarkan

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat saya?**

Adalah penting untuk anda memberitahu pihak kami sebarang perubahan pada maklumat anda. Ini bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**9. Apakah perkhidmatan / faedah yang boleh saya dapati daripada polisi ini?**

Bantuan Kecemasan Jalan Raya - 1-800-88-5005

Talian bantuan 24 jam sehari, 7 hari seminggu direka untuk memberi anda ketenangan di jalan untuk kenderaan yang diinsuranskan bersama kami.

**Perkhidmatan yang ditawarkan terdiri daripada:**

- Bantuan kecemasan di tepi jalan sehingga 150km (perjalanan pergi balik) di Malaysia sehingga 4 kali setahun – Pakej Asas Ezy Plus.
- Perkhidmatan penarikan akibat kerosakan
- Perkhidmatan Menarik akibat Kemalangan (tiada had tahunan)
- Bantuan untuk menggerakkan kenderaan anda sekiranya:
- Kesukaran untuk menghidupkan kenderaan
- Kuasa Bateri lemah - perkhidmatan ‘jumpstart’ atau bantuan perkhidmatan bateri
- Kehabisan bahan bakar
- Tayar pancit
- Pembaikan kecil yang lain
- Bantuan Perkhidmatan Sewa Kereta
- Perkhidmatan Bantuan Rumah
- Bantuan Perjalanan Alternatif
- Bantuan tepi jalan antarabangsa di Thailand, Singapura dan Brunei
- Bantuan Pemindahan Kecemasan
- Bantuan Perkhidmatan Ambulans Antara Negeri
- Penghantaran Mesej Kecemasan untuk keluarga terdekat
- Bantuan Pramutamu
- Bengkel Panel - Pembaikan kemalangan tanpa masalah dengan lebih daripada 500 panel bengkel di seluruh negara.

**10. Apa yang perlu anda tahu apabila membuat tuntutan?**

- a) Buat laporan polis dalam masa 24 jam
- b) Maklumkan kepada kami secara bertulis dengan memberi butiran lengkap dalam masa 3 hari selepas kejadian yang mungkin menjadi subjek sesuatu tuntutan di bawah polisi ini.
- c) Tuntutan Kerosakan Sendiri Kereta Persendirian – adalah penting semua pemegang polisi mengetahui bahawa tuntutan insurans hanya sah jika kenderaan-kenderaan yang mengalami kemalangan di hantar ke bengkel panel yang diluluskan oleh syarikat kami. Semua bengkel-bengkel panel kami telah diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia di bawah Skim Pembaikan Persatuan Insurans Am Malaysia yang Diluluskan [dipanggil PIAM Skim Pembaikan Diluluskan (PARS)].

**11. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Seandainya anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan 'Insurans Motor' anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan atau

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi

**Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan**

**Liberty General Insurance Berhad**

Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower,

CT9, Pavilion Damansara Heights,

3, Jalan Damanlela,

Pusat Bandar Damansara,

50490 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2268 3333 atau 1 300 888 990

E-mel : [customer@libertyinsurance.com.my](mailto:customer@libertyinsurance.com.my)

Laman Web: [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)

**12. Pilihan perlindungan insurans motor lain yang boleh didapati.**

Pilihan perlindungan insurans motor lain yang boleh didapati adalah seperti berikut:

- Kenderaan Perdagangan
- Plat Perdagangan
- Motosikal

**NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA KENDERAAN ANDA TELAH DIINSURANSKAN DENGAN KADAR YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT OLEH ANDA. SEKIRANYA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMILIKI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MENGEMUKAKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan di dalam Senarai Pemberitahuan ini adalah sah bermula dari 1/4/2024.